



SIARAN MEDIA

PENJUALAN PERMIT TAPAK PERNIAGAAN THAIPUSAM 2020

Majlis Perbandaran Selayang akan mengadakan penjualan permit dan undian tapak niaga Thaipusam seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 30 Januari 2020 (Khamis)
Tempat : Dewan Beringin, Taman Sri Gombak, Batu Caves
Masa : 9.00 Pagi – 1.00 Tengahari

Pada tahun ini sebanyak 300 petak ditawarkan dengan keluasan 7 x 7 kaki dimana 300 petak adalah untuk perniagaan biasa (kering, makanan dan minuman) dengan kadar RM150 manakala perniagaan gunting rambut dengan kadar RM200. Tiada kadar harga dikenakan bagi penjaja bergerak untuk penjualan permit pada hari undian petak.

Pada tahun ini juga, MPS masih mengekalkan konsep *Hotspot* di mana petak ini berlokasi di kawasan tumpuan pengunjung dengan keluasan 10 x 10 kaki. Sebanyak 70 petak *Hotspot* telah dikenalpasti. *Hotspot* bagi perniagaan biasa (kering, makanan dan minuman) akan dikenakan bayaran dengan kadar RM500 manakala perniagaan gunting rambut dengan kadar RM600 dan *Hotspot* Orang Kurang Upaya (OKU) akan dikenakan bayaran sebanyak RM 500. Tempoh kelulusan kesemua permit yang dikeluarkan adalah selama 5 hari bermula dari 06 hingga 10 Februari 2020.

Pemohon permit petak niaga Thaipusam yang menjual makanan dan minuman diwajibkan untuk memiliki Sijil Kursus Pengendalian Makanan bagi pemohon dan pembantu selain pengesahan pemeriksaan kesihatan serta Suntikan TY2 (Tifoid). Untuk perniagaan gunting rambut, peniaga perlu memiliki Sijil Pemeriksaan Kesihatan (Hepatitis B, HIV & TIBI)

Penjaja diharapkan dapat mengekalkan tahap kebersihan persekitaran serta mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit. MPS juga melarang peniaga menggunakan sebarang bentuk bekas makanan dan minuman daripada polisterina sepanjang tempoh jualan.

#TAMAT#

DikeluarkanOleh
MOHAMAD ZIN MASOAD A.M.S.
Pengarah Jabatan Korporat
b/p Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5824

Tarikh Dikeluarkan : 21Januari 2020

JADUAL KADAR HARGA PETAK PERNIAGAAN BAGI PERAYAAN THAIPUSAM 2020

Jenis Permit	Harga Petak Semasa Undi Petak (RM)	*Harga Petak di Ibu Pejabat (RM)	*Harga Petak di Tapak (RM)
Perniagaan Kering dan Makanan & Minuman	RM 150	RM 250	RM 300
Gunting Rambut	RM 200	RM 300	RM 400
Hotspot Perniagaan Kering dan Makanan & Minuman	RM 500	RM 600	RM 800
Hotspot Gunting Rambut	RM 600	RM 700	RM 1000
Hotspot OKU *** Diskaun 30%	RM 500	RM 600	RM 800

*Caj tambahan akan dikenakan sebanyak **RM 100.00** sekiranya membeli petak Thaipusam di Ibu Pejabat MPS selepas tarikh undian **30 Januari 2020** dan caj tambahan 2 kali ganda dikenakan di tapak .

Sila sediakan dokumen seperti :

1. Salinan Kad Pengenalan pemohon
2. Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan (*untuk perniagaan makanan*)
3. Salinan Sijil Suntikan Ty2 (*untuk perniagaan makanan*)
4. Salinan Sijil Pemeriksaan Hepatitis B, HIV & TIBI (*untuk perniagaan gunting rambut*)

PERHATIAN: SEBARANG DOKUMEN YANG TIDAK LENGKAP TIDAK AKAN DILAYAN

SYARAT – SYARAT

- * WARGANEGARA MALAYSIA
- * BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS

Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi Jabatan Pelesenan Di Talian 03-6126 5940/41/42/43